

KEDAH	12
Kota Setar	1
Kuala Muda	2
Kulim	6
Bandar Baharu	2

PULAU PINANG	337
Seberang Perai	208
Timur Laut	16
Barat Daya	104

PERAK	101
--------------	------------

SELANGOR	630
Hulu Langat	118
Petaling	249
Klang	62
Kuala Langat	48
Gombak	78

MELAKA	3
---------------	----------

PERLIS	1
---------------	----------

KUALA LUMPUR	120
PUTRAJAYA	7

NEGERI SEMBILAN	91
Tampin	0
Seremban	87
Port Dickson	2
Jempol	2

KELANTAN	44
Kota Bharu	4
Bachok	12
Machang	1
Jeli	1
Kuala Krai	3

TERENGGANU	10
Besut	1
Dungun	0
Kuala Terengganu	3
Marang	0
Kuala Nerus	6

JOHOR	255
Johor Bahru	156
Muar	9
Kota Tinggi	5
Kulai	32

PAHANG	13
Kuantan	0
Bentong	5
Raub	1
Temerloh	4
Jerantut	3




Taburan kes pada 4 Mac

JUMLAH KESELURUHAN

307,943

SEMBUH

283,629



Vaksin: Jemaah haji diberi keutamaan

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Bakal jemaah haji akan diberi keutamaan pemberian vaksin Covid-19 selepas perkara itu ditetapkan sebagai syarat utama kerajaan Arab Saudi sebelum dibenarkan menunaikan rukun Islam kelima itu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, pihaknya akan membuat persiapan pemberian vaksin itu setelah nama bakal jemaah haji dimuktamadkan.

Menurut beliau, jangkaan penerbangan pertama ke Tanah Suci adalah pada pertengahan Jun, maka kerajaan akan merangka perancangan pemberian vaksin lebih awal daripada tarikh itu supaya tidak timbul sebarang masalah.

“Setakat ini belum ada keputusan muktamad daripada Kerajaan Arab Saudi untuk membenarkan ibadah haji atau tidak pada tahun ini.

“Bagaimanapun kita akur dengan arahan kerajaan Arab Saudi



...jangkaan penerbangan pertama ke Tanah Suci adalah pada pertengahan Jun, maka kerajaan akan merangka perancangan pemberian vaksin lebih awal...”

ADHAM BABA

bahawa mereka yang mahu tunaikan umrah dan haji perlu disuntik vaksin Covid-19 selain mematuhi protokol kesihatan ketat negara terbabit.

“Jika sampai masa pengumuman dibuat, kerajaan akan buat rundingan dengan bakal haji yang dinamakan untuk menunaikan


haji tahun ini bagi mendapatkan vaksin kerana itu arahan kerajaan Arab Saudi, kita tidak mahu dapat pergi kerana tidak ada vaksin, jadi kerajaan perlu cari jalan memberikan vaksin,” katanya di sini semalam.

Kelmarin, kerajaan Arab Saudi memutuskan untuk mewajibkan bakal jemaah disuntik vaksin Covid-19 bagi musim haji kali ini yang akan bermula 19 Julai ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri berkata, beliau akan berbincang satu persatu dengan kerajaan Arab Saudi serta menantikan keputusan rundingan daripada pihak negara tersebut termasuk isu vaksinasi.

Zulkifli akan bersama Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin membuat lawatan ke Arab Saudi pada bulan ini untuk memuktamadkan kuota bakal jemaah.

Bukan sahaja Malaysia, malah negara dari seluruh dunia belum mengetahui kuota jemaah haji mereka.



KES BAHARU
2,063

TEMPATAN
2,054

IMPORT
9

KLUSTER BAHARU
14

MATI
5


JUMLAH KEMATIAN
1,153

KES AKTIF
23,161

SABAH **78**
Kota Kinabalu 7
Sandakan 6
Tawau 3
Nabawan 11
Keningau 10
Kalabakan 12

LABUAN **0**

SARAWAK **361**
Kuching 22
Miri 89
Sibu 73
Bintulu 71





OPERASI SEMULA

PEKERJA TGV Cinemas Bukit Tinggi, Klang melakukan kerja-kerja sanitasi sebagai persiapan terakhir sebelum pawagam itu beroperasi semula mulai hari ini. Penutupan panggung wayang berikutan penularan Covid-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyebabkan industri itu kerugian lebih RM400 juta dalam tempoh 10 bulan. - UTUSAN/ZULFADHLI ZAKI

Tiada vaksin Covid-19 dijual dalam talian

PUTRAJAYA: Kerajaan tidak pernah menawarkan penjualan vaksin Covid-19 dari mana-mana syarikat pengeluarannya menerusi kaedah dalam talian kepada rakyat negara ini.

Demikian ditegaskan Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sambil berharap rakyat tidak tertipu dengan tawaran itu kononnya diberi kelulusan oleh pihak kerajaan.

“Ada cuba ambil kesempatan dan pujuk kononnya mereka ejen dari negara pengeluar vaksin atau syarikat pengilang bagi memperdaya orang ramai,” katanya dalam sidang akhbar semalam.

Beliau mengulas peringatan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman, Datuk Zainuddin Yaacob berhubung kes penipuan vaksin tersebut.

Setakat ini, dua kes sudah dilaporkan di negara ini melibatkan kerugian bernilai RM285,499 dan kes itu telah disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu mangsa.

Ismail Sabri berkata, orang ramai yang ada maklumat mengenai kes itu boleh menghubungi terus pihak Kementerian Kesihatan atau Kementerian Sains, Teknologi dan

Inovasi.

“Dua kementerian ini bekerjasama dalam Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin dan mereka juga yang selaraskan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK),” katanya.

Justeru, beliau menasihatkan rakyat agar segera mendaftar melalui aplikasi MySejahtera atau laman sesawang rasmi www.vaksinCovid.gov.my atau hospital awam yang mula dibuka esok.

Talian *hotline* juga bakal diumumkan oleh pihak Kementerian berkenaan kerana fasa pertama PICK sudah bermula pada 26 Februari ini untuk barisan hadapan sebelum diperluaskan lagi ke fasa seterusnya.

Sehingga hari ini ujarnya, seramai 1,909,585 orang sudah mendaftar menerusi aplikasi itu dan jumlah tersebut masih kecil berbanding populasi Malaysia yang keseluruhan hampir 33 juta.

“Vaksinasi ini penting dan tidak mustahil menjadi syarat wajib sebelum masuk mana-mana negara malah Arab Saudi telah mengenakan syarat ini untuk bakal jemaah haji dan umrah,” katanya.